




**PANDUAN PENGGUNA UNTUK  
Nokia PC Suite 6.85**

**NOKIA**

# Kandungan

|  |           |
|--|-----------|
| <b>1. Pengenalan .....</b>   | <b>1</b>  |
| 1.1 Aplikasi Nokia PC Suite .....                                    | 1         |
| 1.2 Mesti ada .....  | 2         |
| 1.3 Lebih banyak maklumat.....                                       | 5         |
| <b>2. Memasang Nokia PC Suite .....</b>                              | <b>6</b>  |
| 2.1 Sebelum pemasangan.....  | 6         |
| 2.2 Memasang Nokia PC Suite dari CD-ROM.....                         | 6         |
| 2.3 Memasang Nokia PC Suite dari Web .....                           | 7         |
| 2.4 Membuang pemasangan Nokia PC Suite .....                         | 8         |
| 2.5 Menukar bahasa yang digunakan dalam Nokia PC Suite .....         | 8         |
| <b>3. Memasang pemacu .....</b>                                      | <b>9</b>  |
| <b>4. Menyambung telefon dan PC anda.....</b>                        | <b>10</b> |
| 4.1 Memilih jenis sambungan .....                                    | 10        |
| 4.2 Menyambung telefon anda melalui kabel .....                      | 11        |
| 4.3 Menyambung telefon anda melalui inframerah .....                 | 11        |
| 4.4 Menyambung telefon anda melalui Bluetooth .....                  | 11        |
| 4.4.1 Memasang peranti untuk sambungan Bluetooth.....                | 12        |
| 4.5 Telefon yang bersambung.....                                     | 12        |
| <b>5. Menggunakan Nokia PC Suite.....</b>                            | <b>13</b> |
| 5.1 Tetingkap utama Nokia PC Suite .....                             | 14        |
| 5.2 Membuat sandaran kandungan telefon PC .....                      | 15        |
| 5.3 Menyegerakkan data antara telefon anda dan PC .....              | 16        |
| 5.4 Menyambung kepada Internet dengan menggunakan telefon anda ..... | 18        |
| 5.5 Memasang aplikasi ke telefon anda dari PC .....                  | 19        |
| 5.6 Menguruskan kandungan telefon pada PC .....                      | 19        |
| 5.7 Menambah kenalan pada telefon anda dari PC .....                 | 20        |
| 5.8 Menghantar mesej teks dari PC .....                              | 21        |
| 5.9 Melihat fail multimedia pada PC .....                            | 21        |
| 5.10 Menyimpan imej dari telefon anda ke PC.....                     | 22        |
| 5.11 Memindahkan muzik dari CD ke telefon anda.....                  | 22        |
| <b>6. Istilah dan kependekan.....</b>                                | <b>24</b> |
| <b>7. Nota keselamatan.....</b>                                      | <b>25</b> |
| <b>INDEKS.....</b>   | <b>26</b> |












# 1. PENGENALAN



---

Panduan ini menyediakan arahan mengenai cara untuk memasang Nokia PC Suite, menyambung telefon anda ke PC, dan mula menggunakan aplikasi Nokia PC Suite.

## 1.1 Aplikasi Nokia PC Suite

Dengan Nokia PC Suite anda boleh mengedit, menyimpan, dan menyejajarkan data telefon bimbit Nokia anda dengan sistem PC berasaskan Microsoft Windows. Nokia PC Suite terdiri daripada aplikasi berikut:

| Dengan Nokia PC Suite anda boleh  | Dalam aplikasi yang                               | Ikun  |
|---|---|---|
| Membuat sandaran data peribadi dari telefon anda ke PC.<br>Menyimpan semula data peribadi dari PC anda ke sebarang telefon yang disokong anda.  | Sandaran<br>(Nokia Content Copier)                |    |
| Menyejajarkan data peribadi antara telefon dan PC.  | Sejajarkan<br>(Nokia PC Sync)                     |    |
| Menggunakan telefon anda sebagai modem untuk menyambung PC anda ke Internet.  | Sambung ke Internet<br>(One Touch Access)         |  |
| Memindahkan fail antara telefon dengan PC.<br>Melihat fail dan folder telefon pada PC.  | Pengurus fail<br>(Nokia Phone Browser)            |  |
| Membuat, melihat, memadam, dan mengedit kenalan pada PC.  | Kenalan<br>(Pameran Nokia Phone Browser Contacts) |  |
| Menghantar mesej teks dari PC anda.<br>Melihat, memadam, dan mengatur mesej teks pada PC.   | Mesej<br>(Pameran Nokia Phone Browser Messages)   |  |
| Membuat dan mengatur fail muzik digital pada PC dan pindahnya ke telefon anda.<br>Menukar trek muzik menjadi format yang boleh dimainkan pada telefon anda.   | Pindah muzik<br>(Nokia Music Manager)             |  |
| Menyimpan imej dan klip video dari telefon anda pada PC.  | Simpan imej<br>(Image Store)                      |  |
| Membuka imej, klip video, mesej multimedia, dan fail audio.<br>Membuat senarai main fail multimedia kegemaran anda.<br>Menyimpan fail video dan audio dalam format yang boleh anda gunakan dalam telefon dan mesej MMS. | Lihat multimedia<br>(Nokia Multimedia Player)     |  |

| Dengan Nokia PC Suite anda boleh   | Dalam aplikasi yang                                    | Ikon  |
|--|--|---|
| Memasang permainan dan program lain dari PC ke telefon anda.   | Pasang aplikasi-aplikasi (Nokia Application Installer) |  |
| Menyemak Internet untuk mendapatkan kemas kini perisian telefon, dan mengemas kini perisian telefon anda untuk mendapatkan kegunaan tambahan dan prestasi yang lebih baik. | Kemas kini perisian telefon (Nokia Software Updater)   |  |

Untuk mendapatkan maklumat berkenaan tugas yang boleh anda jalankan dengan aplikasi Nokia PC Suite, lihat bantuan aplikasi, dan bahagian 5, *Menggunakan Nokia PC Suite* di dalam panduan ini.



**Nota:** Nokia Multimedia Player, Image Store, dan Nokia Music Manager tidak disertakan dalam Edisi Pemula Nokia PC Suite.

## 1.2 Mesti ada

| Untuk melakukan ini                           | Anda mesti mempunyai  |
|---|---|
| Untuk memasang dan menjalankan Nokia PC Suite | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekurang-kurangnya 20 MB ruang cakera bebas.</li> <li>• Salah satu daripada sistem pengendalian yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Windows Vista x32 dan edisi x64</li> <li>• Windows XP Professional edisi x64</li> <li>• Windows XP (Professional, Home Edition, Edisi Pusat Media Atau Tablet PC Edition) ( Service Pack 2)</li> <li>• Windows 2000 dengan Service Pack 4</li> </ul> </li> <li>• Hak pentadbir pada PC untuk memasang perisian padanya</li> </ul> |
| Untuk menyambung telefon anda ke PC           | <p>Sekurang-kurangnya satu daripada satu set sambungan berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kabel sambungan USB (DKU-2, DKE-2, CA-53, CA-70 atau CA-101) dan port yang serasi pada PC anda</li> <li>• kabel sambungan siri CA-42 dan port serasi pada PC anda</li> <li>• Port Inframerah (IrDA) pada PC anda</li> <li>• Peralatan dan perisian teknologi wayarles Bluetooth</li> </ul>  |

| Untuk melakukan ini  | Anda mesti mempunyai   |
|--|--|
| <p>Untuk membuat sambungan teknologi wayarles Bluetooth antara telefon anda dan PC</p> | <p>Peralatan teknologi wayarles Bluetooth serasi dengan salah satu daripada tindanan Bluetooth yang disokong berikut::</p> <p>Windows Vista x32 dan edisi x64</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindanan Microsoft Windows Bluetooth</li> <li>• Tindakan Toshiba Bluetooth, versi pemacu 5.10.12</li> <li>• Tindanan IVT BlueSoleil Bluetooth, versi pemacu 5.0.5</li> </ul> <p>Windows XP x64:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindanan Microsoft Windows Bluetooth</li> <li>• Tindakan Toshiba Bluetooth, versi pemacu 5.10.12</li> <li>• Tindanan IVT BlueSoleil Bluetooth, versi pemacu 5.0.5</li> </ul> <p>Windows XP:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Microsoft Windows Bluetooth (hanya dalam Service Pack 2)</li> <li>• Tindanan Toshiba Bluetooth, versi pemacu 4.0, 5.0 dan 5.10.12</li> <li>• Tindanan WIDCOMM Bluetooth, versi pemacu 1.4.2, 3.x, 4.x dan 5.x</li> <li>• Tindanan IVT BlueSoleil Bluetooth , versi pemacu 2.x, 3.x dan 5.0.5</li> </ul> <p>Windows 2000:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindanan Toshiba Bluetooth, versi pemacu 4.0, 5.0 dan 5.10.12</li> <li>• Tindanan WIDCOMM Bluetooth, versi pemacu 1.4.2, 3.x, 4.x dan 5.x</li> <li>• Tindanan IVT BlueSoleil Bluetooth , versi pemacu 2.x, 3.x dan 5.0.5</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Teknologi Bluetooth yang tersedia serta versinya mungkin tidak disokong oleh peranti bimbit Nokia anda. Semak panduan pengguna peranti bimbit Nokia anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai keserasian dengan teknologi Bluetooth yang disenaraikan.</p> <p><b>Nota:</b> Untuk memeriksa tindanan Bluetooth apakah yang telah dipasang pada PC anda: Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik <b>Bantuan &gt; Mengenai Nokia PC Suite &gt; Maklumat sistem...</b> Jika tindanan Bluetooth yang ditemui pada PC anda tidak disokong oleh Nokia PC Suite, ini juga dinyatakan dalam maklumat sistem.</p> |

| Untuk melakukan ini                                    | Anda mesti mempunyai   |
|--|--|
| Untuk menjalankan tugas dengan aplikasi Nokia PC Suite | <p>Telefon yang serasi. Ciri tertentu hanya boleh digunakan dengan model telefon yang menyokong ciri tersebut. Contohnya, bukan semua model telefon menyokong hantaran mesej multimedia.</p> <p>Untuk menyemak versi Nokia PC Suite, aplikasi Nokia PC Suite, dan jenis sambungan yang disokong oleh model telefon anda, lihat <a href="http://www.nokia.com/pcsuite/compatibility">www.nokia.com/pcsuite/compatibility</a>.</p> |



**Nota:** Anda hendaklah menggunakan bahasa yang sama dalam telefon, sistem pengendalian dan Nokia PC Suite, jika boleh. Ini akan membolehkan telefon anda berfungsi dengan betul dengan semua aplikasi Nokia PC Suite.



**Nota:** Sentiasa pastikan bahawa anda menggunakan kabel Nokia yang tulen dengan Nokia PC Suite untuk memastikan agar aplikasi PC Suite berfungsi dengan lebih terjamin. Periksa pelabelan pada kabel anda.



**Nota:** Semua rujukan kepada PC dalam panduan ini diguna pakai juga untuk komputer riba.

### 1.3 Lebih banyak maklumat

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Nokia PC Suite, lihat sumber yang berikut:

- **Bantuan Nokia PC Suite**, yang mengandungi lebih banyak arahan terperinci mengenai cara menggunakan Nokia PC Suite. Untuk membuka, klik **Bantuan > Tajuk Bantuan**, klik butang Bantuan dalam tettingkap, atau tekan F1 dalam aplikasi Nokia PC Suite.
- **Tutorial untuk PC Suite**, yang mengandungi tunjuk cara langkah-demi-langkah aplikasi Nokia PC Suite. Untuk membuka, klik **Web > tutorial Nokia PC Suite** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite. Untuk menggunakan tutorial anda mesti mempunyai sambungan Internet.
- **Carian Soalan Lazim Nokia PC Suite** yang mengandungi maklumat penyelesaian masalah Nokia PC Suite. Untuk mengakses maklumatnya, klik **Web > Nokia PC Suite pada web > Soalan Lazim PC Suite** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite. Untuk menyemak imbas pangkalan data carian Soalan Lazim anda mesti mempunyai sambungan Internet.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai cara untuk menggunakan telefon bimbit Nokia anda, lihat panduan pengguna telefon.



**Tip:** Anda boleh mendaftar secara percuma untuk menerima surat berita Sambungan Nokia setiap bulan untuk mendapatkan maklumat berguna dan tawaran istimewa bagi peranti, aksesori dan perisian Nokia yang terbaru (contohnya, versi PC Suite baru). Nokia Connections boleh didapati dalam beberapa bahasa dan ia boleh dihantar kepada e-mel atau telefon bimbit anda. Untuk melanggan pada Nokia Connections melalui Internet, pilih **Web > Daftar** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite.



**Nota:** Baca teks Nota yang bertanda seperti ini dengan berhati-hati, kerana ia sering mengandungi maklumat yang boleh membantu anda mengelakkan masalah yang mungkin berlaku.

## 2. MEMASANG NOKIA PC SUITE

---

Anda boleh memasang Nokia PC suite dari CD-ROM, atau dari halaman Web Nokia PC Suite di [www.nokia.com/pcsuite](http://www.nokia.com/pcsuite). Anda perlukan hak pentadbir bagi PC anda agar anda boleh memasang perisian kepadanya.

Untuk mewujudkan sambungan antara telefon dan PC anda, anda memerlukan pemacu dipasang pada PC anda. Pemacu dipasang secara automatik apabila anda memasang Nokia PC Suite atau apabila anda menyambung telefon anda ke PC dengan wizard Sambungkan. Untuk maklumat lanjut lihat bahagian 3, *Memasang pemacu* di dalam panduan ini.



**Petua:** Jika anda mempunyai Nokia PC Suite dipasangkan dan anda disambungkan kepada Internet, Nokia PC Suite memaparkan pemberitahuan apabila Nokia PC Suite baru akan dikeluarkan, atau tampung (patch) untuk keluaran yang baru tersedia untuk dimuat turun

### 2.1 Sebelum pemasangan

Jika anda mempunyai versi Nokia PC Suite yang lebih awal (5.x atau 6.x) dipasang pada PC anda, versi yang lebih awalnya akan digantikan secara automatik semasa pemasangan. Jika atas beberapa sebab anda perlu membuang pemasangan versi yang lebih lama secara manual, program pemasangan akan meminta anda melakukannya.

Jika anda hendak menggunakan sambungan Bluetooth, anda perlu memasang perisian teknologi wayarles Bluetooth pada PC anda sebelum anda memasang Nokia PC Suite. Untuk maklumat lanjut mengenai perisian Bluetooth yang boleh anda gunakan dengan Nokia PC Suite, lihat bahagian 1.2, *Mesti ada* di dalam panduan ini.

Jika anda sedang menaiktarafkan daripada Nokia PC Suite 6.41 atau lebih awal ke Nokia PC Suite 6.85, segerakkan telefon anda dengan Nokia PC Suite yang sedia ada sebelum menaiktarafkan, untuk mengelakkan daripada berlakunya janji temu berulang. Apabila anda telah memasang Nokia PC Suite 6.85, jalankan lagi penyegerakan.

### 2.2 Memasang Nokia PC Suite dari CD-ROM

Anda boleh memasang Nokia PC Suite dari CD-ROM jika pakej jualan telefon mengandunginya.

1. Untuk memulakan pemasangan, masukkan CD-ROM ke dalam pemacu CD-ROM PC anda dan klik pilihan pemasangan.
2. Pilih bahasa dan klik **OK**. Program pemasangan bermula.
3. Ikut arahan pada skrin, dan ambil perhatian yang berikut:
  - Jika anda tidak bersambung kepada Internet, Nokia PC Suite akan memeriksa jika versi terbaru Nokia PC Suite tersedia pada halaman Web Nokia PC Suite. Jika ya, anda disarankan agar memuat turun dan memasang versi yang baru.
  - Anda mesti membaca dan menerima perjanjian lesen sebelum meneruskan.

- Anda mungkin akan diminta untuk memulakan semula komputer semasa pemasangan.
4. Apabila pemasangan selesai, wizard Sambungkan terbuka secara automatik dan anda boleh memilih jenis sambungan yang anda hendak gunakan.
  5. Bergantung kepada model telefon anda, anda mungkin perlu memasang aplikasi sokongan PC Suite untuk permesejan SMS dan MMS. Wizard Sambungkan memberitahu anda mengenai pemasangan tersebut. Ambil perhatian bahawa anda mesti menyelesaikan pemasangan pada antara muka pengguna telefon anda.

### 2.3 Memasang Nokia PC Suite dari Web

1. Buka penyemak imbas web dan pergi ke [www.nokia.com/pcsuite](http://www.nokia.com/pcsuite) > Download. (Muat Turun). Pembantu muat turun terbuka.
2. Pilih jika anda perlukan bantuan untuk menentukan versi PC Suite manakah yang sesuai untuk model telefon anda, atau jika anda hendak memuat turun versi terbaru PC Suite.
3. Jika anda telah memilih untuk menggunakan bantuan, seterusnya, pilih model telefon dan klik **Teruskan**. Jika anda mempunyai dua versi yang tersedia untuk telefon, anda akan diminta untuk memilih sistem pengoperasian PC anda.
4. Pilih bahasa untuk dimuat turun dari senarai jatuh-turunan dan klik **Muat Turun**.
5. Klik **Jalankan** atau **Buka** untuk memulakan pemasangan.

ATAU

Klik **Simpan** dan simpan fail pada PC anda. Kemudian semak imbas fail Nokia\_PC\_Suite\_684\_rel\_xx\_xx\_web.msi yang telah dimuat turun dan klik padanya untuk memulakan pemasangan.

6. Ikut arahan pemasangan pada skrin, dan ambil perhatian perkara yang berikut:
  - Anda mesti membaca dan menerima perjanjian lesen sebelum meneruskan.
  - Anda mungkin akan diminta untuk memulakan semula komputer semasa pemasangan.
7. Apabila pemasangan selesai, wizard Sambungkan terbuka secara automatik dan anda boleh menyediakan jenis sambungan yang anda hendak gunakan.
8. Bergantung kepada model telefon anda, anda mungkin perlu memasang aplikasi sokongan PC Suite untuk permesejan SMS dan MMS. Wizard Sambungkan memberitahu anda mengenai pemasangan tersebut. Ambil perhatian bahawa anda mesti menyelesaikan pemasangan pada antara muka pengguna telefon anda.

## 2.4 Membuang pemasangan Nokia PC Suite

1. Klik **Mula > Program > Nokia PC Suite > Buang Pemasangan Nokia PC Suite**.
2. Ikut arahan pada skrin sehingga fail program dikeluarkan.

ATAU

1. Pilih **Mula > Tetapan > Panel Kawalan**.  
(Jika anda menggunakan Windows XP, gunakan Paparan Klasik Panel Kawalan.)
2. Dwi klik **Tambah/Keluarkan Program**.
3. Dari senarai Program Yang Kini Terpasang, pilih Nokia PC Suite.
4. **Klik** Tukar/Keluarkan. Jika anda klik Tukar, anda perlu klik **Keluarkan dalam** tingkap yang terbuka.
5. Ikut arahan pada skrin sehingga fail program dikeluarkan.



**Nota:** Apabila anda membuang pemasangan Nokia PC Suite, pemacu yang dipasang dengan Nokia PC Suite akan juga dibuang pemasangan. Jika anda telah mengemas kini Nokia Connectivity Cable Drivers secara berasingan selepas memasang Nokia PC Suite pemacunya tidak akan dipasang.

## 2.5 Menukar bahasa yang digunakan dalam Nokia PC Suite

Jika anda mempunyai Nokia PC Suite yang telah dipasang dan anda hendak menukar bahasa yang digunakan aplikasi Nokia PC Suite, lakukan satu daripada yang berikut:

- Untuk memasang versi Nokia PC Suite yang sama dalam bahasa lain: buang pemasangan Nokia PC Suite dan pilih untuk memasang semula dalam bahasa yang baru dari CD-ROM atau dari laman Web Nokia PC Suite.
- Untuk memasang versi Nokia PC Suite yang lebih baru dalam bahasa yang lain: pilih untuk memasang Nokia PC Suite dalam bahasa yang baru. Versi lama Nokia PC Suite dan bahasanya diganti secara automatik semasa pemasangan.



**Nota:** Anda hendaklah menggunakan bahasa yang sama dalam telefon, dan Nokia PC Suite, jika mungkin. Ini akan membolehkan telefon anda berfungsi dengan betul dengan semua aplikasi Nokia PC Suite.

### 3. MEMASANG PEMACU

---

Untuk menyambung telefon dan PC anda untuk menggunakan aplikasi Nokia PC Suite, anda perlukan kesambungan pemacu dipasang pada PC anda. Kesambungan pemacu dipasang secara automatik apabila anda memasang Nokia PC Suite dan menyambung telefon anda ke PC dengan wizard Sambungkan.

Jika anda hendak menggunakan telefon anda sebagai modem untuk menyambung kepada perkhidmatan rangkaian seperti Internet apabila tiada rangkaian berwayar boleh didapati, anda perlukan pemacu modem dipasang pada PC anda. Nokia PC Suite memasang pemacu modem yang diperlukan secara automatik.

Jadual yang berikut menunjukkan pemacu yang diperlukan menurut jenis sambungan yang anda gunakan:

| Jenis sambungan   | Pemacu kesambungan  | Pemacu modem  |
|---|---|---|
| Kabel USB DKU-2, DKE-2, CA-53, CA-70, CA-101<br>Kabel bersiri CA-42 | Dipasang secara automatik.  | Dipasang secara automatik.  |
| Inframerah  | Anda mesti mempunyai port Inframerah pada PC anda. Pemacu dipasang secara automatik apabila anda menyambung telefon anda kepada PC melalui inframerah.                        | Modem inframerah Nokia dipasang secara automatik apabila anda menyambung telefon anda ke PC melalui inframerah.   |
| Teknologi wayarles Bluetooth  | Anda mesti mempunyai tindanan Bluetooth yang disokong dipasang pada PC anda. Pemacu dipasang secara automatik apabila anda menyambung telefon anda pada PC melalui Bluetooth. | Modem PC Connectivity Bluetooth dipasang secara automatik apabila anda membuatkan telefon anda berpasangan dengan PC dalam Sambungkan.<br><br>Jika anda mempunyai Microsoft Bluetooth dipasang pada PC anda, modem Bluetooth standard juga dipasang secara automatik. |

## 4. MENYAMBUNG TELEFON DAN PC ANDA

---

Anda perlu menyambung telefon anda ke PC untuk melakukan yang berikut:

- Untuk memindah maklumat antara aplikasi Nokia PC Suite dengan telefon. Contohnya, untuk menyejajarkan janji temu kalendar atau memindahkan imej.
- Untuk menggunakan telefon anda sebagai modem untuk menyambung ke khidmat rangkaian seperti Internet.

### 4.1 Memilih jenis sambungan

Anda boleh menyambung telefon dan PC dengan kabel siri, Inframerah (IrDA), atau teknologi wayarles Bluetooth. Apabila anda telah selesai memasang Nokia PC Suite, wizard Sambungan terbuka dan memandu anda untuk menatarajah jenis sambungan yang anda hendak gunakan.

Jenis sambungan yang anda boleh pilih bergantung kepada jenis sambungan yang disokong oleh model telefon dan PC anda. Untuk memeriksa jenis sambungan yang disokong oleh telefon anda, lihat [www.nokia.com/pcsuite/compatibility](http://www.nokia.com/pcsuite/compatibility), atau panduan pengguna telefon anda.

| Jenis sambungan                              | Butiran  |
|--|--|
| Kabel USB DKU-2, DKE-2, CA-53, CA-70, CA-101 | Kabel USB adalah kaedah pemindahan data yang terpantas dan boleh dipercayai antara telefon dan PC.<br><br>Anda boleh mempunyai beberapa sambungan kabel USB, atau sambungan bersiri dan USB secara serentak.<br><br>Jika anda tidak menerima kabel bersama telefon, anda boleh membelinya dari pengedar Nokia. |
| Kabel bersiri CA-42                          | Kabel bersiri adalah kaedah sambungan yang boleh dipercayai antara telefon dan PC.<br><br>Anda hanya boleh mewujudkan satu sambungan kabel bersiri pada satu masa.<br><br>Jika anda tidak menerima kabel bersama telefon, anda boleh membelinya dari pengedar Nokia.   |
| Inframerah                                   | Inframerah menyambung telefon anda secara wayarles ke PC anda dalam lingkungan jarak yang pendek. Jarak yang sebaiknya di antara telefon dan PC adalah paling banyak semeter (lebih kurang tiga kaki).   |
| Bluetooth                                    | Teknologi wayarles Bluetooth menyambung telefon anda secara wayarles ke PC anda dalam lingkungan jarak yang pendek. Telefon dan PC mestilah berada dalam lingkungan jarak jejari 10 meter (lebih kurang 30 kaki) di antara satu sama lain.   |



**Nota:** Sesetengah model telefon mempunyai tetapan keselamatan pilihan yang disebut tempoh autokunci, yang menentukan tempoh tamat masa, dan selepas itu peranti akan terkunci jika ia berada dalam mod siap sedia. Sebelum anda mewujudkan sambungan antara telefon anda dan Nokia PC Suite anda perlu membuka kunci telefon anda.

## 4.2 Menyambung telefon anda melalui kabel

1. Dalam Sambungkan, pilih **Sambungan kabel** sebagai jenis sambungan.
2. Sambung kabel ke PC apabila diminta oleh Sambungkan, dan kemudian sambungkan hujung kabel yang satu lagi ke telefon.
3. Pada kali pertama anda menggunakan sambungan kabel, anda perlu menunggu sehingga Sambungkan selesai memasang pemacu kabel yang diperlukan.



**Perhatian:** Walaupun kabel CA-42 adalah kabel bersiri, sambungkannya kepada penyambung USB komputer anda kerana Windows mengecamnya sebagai kabel USB. Port COM biasanya dipilih secara automatik. Jika tidak, anda boleh menatarajah secara manual dalam Nokia Connection Manager. Untuk mengakses Nokia Connection Manager, klik **Tetapan > Manage connections** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite. Pilih jenis sambungan kabel Bersiri dan klik **Tatarajah...** untuk menetapkan port COM. Anda perlu menatarajahnya sekali sahaja, sebelum anda menggunakan sambungan buat kali pertama.



**Nota:** Apabila anda menyambung telefon anda ke PC melalui kabel USB, pastikan anda mempunyai mod lalai atau PC Suite dipilih dalam telefon anda jika anda hendak menggunakan Nokia PC Suite dengan telefon anda. Lihat panduan pengguna telefon anda untuk mendapatkan butiran terperinci berkenaan mod USB yang tersedia.



**Nota:** Sentiasa pastikan bahawa anda menggunakan kabel Nokia yang tulen dengan Nokia PC Suite untuk memastikan agar aplikasi PC Suite berfungsi dengan lebih terjamin. Periksa pelabelan pada kabel anda.

## 4.3 Menyambung telefon anda melalui inframerah

1. Aktifkan port IR pada telefon anda. Untuk arahan, lihat panduan pengguna telefon anda.
2. Jika anda menggunakan telefon Symbian, pastikan anda telah memilih untuk menggunakan jenis sambungan inframerah pada telefon anda. Untuk arahan, lihat panduan pengguna telefon anda.
3. Tempatkan telefon dan PC supaya port IR bagi kedua-dua peranti saling menunjuk ke arah satu sama lain.
4. Sambungan ini dibuat secara automatik.

## 4.4 Menyambung telefon anda melalui Bluetooth

1. Jadikan telefon anda boleh ditemui oleh peranti Bluetooth lain dan aktifkan sambungan Bluetooth telefon anda. Untuk arahan lihat panduan pengguna telefon anda.

2. Apabila anda mengaktifkan Bluetooth buat kali pertama, anda akan diminta untuk memberi nama bagi telefon anda. Nama digunakan setiap kali anda memasang telefon anda dengan PC.
3. Pastikan tindakan Bluetooth pada PC anda dihidupkan.
4. Jika anda menggunakan penyesuai Bluetooth, pastikan ia dipasangkan ke PC.
5. Pilih teks **Klik di sini untuk menyambungkan telefon** di atas imej telefon dalam tettingkap utama Nokia PC Suite untuk membuka **Sambungkan**, dan ikuti arahan dalam wizard untuk menjadikan telefon anda berpasangan dengan PC.

Jika anda perlu memeriksa tindakan Bluetooth mana yang telah dipasang pada PC anda, klik **Bantuan > Perihal Nokia Suite... > Maklumat Sistem...** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite. Jika tindakan Bluetooth yang ditemui pada PC anda tidak disokong oleh Nokia PC Suite, maklumat ini juga dinyatakan dalam maklumat sistem.

#### 4.4.1 Memasang peranti untuk sambungan Bluetooth

Untuk menggunakan Bluetooth sebagai jenis sambungan, anda perlu memasang telefon anda dengan PC. Memasang bererti anda mengekod dua peranti Bluetooth untuk berkomunikasi agar ia boleh bertukar data. Anda perlu memasang peranti tersebut sekali sahaja, sebelum anda menggunakan sambungan buat kali pertama.

Ikuti arahan pemasangan dalam Sambungkan dan ambil perhatian:

- Jika anda menggunakan kod laluan yang dijanakan oleh Sambungkan, masukkan kod laluan ke telefon apabila diminta. Alternatifnya, anda boleh membuat kod laluan anda sendiri (1-16 aksara, angka) dan masukkan kod laluan yang sama ke PC dulu dan kemudian pada telefon apabila diminta. Kod laluan ini digunakan sekali sahaja, tidak perlu diingat.
- Anda perlu mengesahkan sambungan antara telefon Nokia anda dan PC anda. Pilih **Ya** apabila anda melihat permintaan sambungan pada paparan telefon.
- Anda boleh tetapkan PC sebagai dibenarkan, ertinya sambungan antara telefon dengan PC itu tidak perlu diberi kebenaran yang berasingan. Pada telefon anda, pergi ke pameran Peranti yang berpasangan, dan edit PC yang akan dibenarkan atau dipercayai, bergantung pada istilah yang digunakan telefon anda.

#### 4.5 Telefon yang bersambung

Selepas anda menyambungkan telefon anda pada PC, anda boleh melihat nama dan jenis sambungan telefon dalam pilihan telefon dan anak tettingkap penunjuk kemajuan tettingkap utama Nokia PC Suite.

Jika anda mempunyai berbilang telefon disambungkan pada PC, pilih telefon yang hendak anda gunakan dari senarai tarik turun anak tettingkap.

Jika anda hendak menyambungkan telefon baru selain daripada telefon yang kini bersambung, atau menukar jenis sambungan, anda boleh melakukannya dalam wizard Sambungkan.. Untuk memulakan wizard, klik **Tetapan > Tambah lebih banyak telefon** dalam tettingkap utama Nokia PC Suite.

## 5. MENGGUNAKAN NOKIA PC SUITE

---

Bahagian yang berikut adalah arahan untuk memulakan aplikasi Nokia PC Suite. Untuk arahan yang lebih terperinci, lihat bantuan Nokia PC Suite (**Bantuan > Tajuk bantuan**) dan Tutorial (**Web > tutorial Nokia PC Suite**).



**Nota:** Nokia Multimedia Player, Image Store, dan Nokia Music Manager tidak disertakan dalam Edisi Pemula Nokia PC Suite.



**Nota:** Bukan semua model telefon menyokong, contohnya, hantaran mesej multimedia. Untuk memeriksa aplikasi Nokia PC Suite anda boleh menggunakan bersama telefon anda, lihat [www.nokia.com/pcsuite/compatibility](http://www.nokia.com/pcsuite/compatibility).

**Untuk membuka Nokia PC Suite, lakukan satu daripada yang berikut:**

- a. Dalam bar tugas Windows, klik ikon Nokia PC Suite.
- b. Dalam meja komputer anda, dwi klik ikon Nokia PC Suite.
- c. Dalam menu **Mula Window**, klik **Program > Nokia PC Suite**.



**Petua:** Nokia PC Suite sentiasa terbuka apabila anda memulakan PC anda. Jika anda hendak mengelakkan permulaan automatik, pergi ke menu Fail dalam tettingkap utama PC Suite dan nyahpilih pilihan **Mulakan semasa permulaan**.

## 5.1 Tetingkap utama Nokia PC Suite



**Rajah1. Tetingkap utama Nokia PC Suite (gambar dalam bahasa Inggeris)**

Tetingkap utama Nokia PC Suite dibahagi kepada dalam kawasan yang diterangkan di bawah:

| Kawasan        | Penerangan:  |
|----------------|--|
| Panel aplikasi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan aplikasi standard yang termasuk dalam Nokia PC Suite, dan aplikasi tambahan yang berkemungkinan yang mungkin telah anda muat turun dan pasang dari laman web Nokia PC Suite.</li> <li>• Untuk membuka aplikasi, klik pada ikonnya, atau pilihnya dari menu File.</li> </ul> |

|  |   |
|--|---|
| Anak tetingkap status                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan pemberitahuan jika aplikasi tambahan baru, pengemaskinian untuk memasang aplikasi tambahan atau pengemaskinian pada Nokia PC Suite tersedia untuk telefon anda.</li> </ul>   |
| Pilihan telefon dan anak tetingkap penunjuk kemajuan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan telefon sekarang ini disambungkan pada PC.</li> <li>• Jika anda tidak menyambungkan telefon anda pada PC, gunakan wizard Sambungkan untuk mewujudkan sambungan. Untuk mengakses Sambungkan, pilih teks <b>Klik di sini untuk menyambungkan telefon</b> di atas imej telefon.</li> <li>• Jika anda mempunyai berbilang telefon disambungkan pada PC, pilih telefon yang hendak anda gunakan dari senarai tarik turun panel.</li> <li>• Untuk memindahkan muzik, imej, fail video, dan aplikasi pada telefon anda, seret dan lepaskan fail pada imej telefon.</li> </ul> |
| Anak tetingkap mesej                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan mesej teks terkini dari telefon yang bersambung.</li> <li>• Untuk mengemas kini mesej yang ditunjukkan dalam anak tetingkap, tekan F5.</li> <li>• Klik dua kali pada mesej untuk membukanya dalam Nokia Text Message Editor di mana anda boleh membalas pada mesej atau memajukannya ke hadapan.</li> <li>• Klik pada pemegang pada bahagian sisi atas anak tetingkap mesej untuk memaksimumkan atau mengecilkan panel.</li> </ul>   |

## 5.2 Membuat sandaran kandungan telefon PC.

Nokia Content Copier membolehkan anda membuat sandaran kandungan telefon anda pada PC. Anda boleh membuat sandaran seluruh kandungan, atau memilih apa yang anda hendak buat sandaran. Anda hendaklah membuat sandaran kandungan telefon anda secara tetap untuk mengelakkan daripada kehilangan data penting.

Anda boleh menyimpan semula kandungan telefon pada model telefon yang kandungannya pada asalnya dibuat sandaran, atau mengimport kandungan ke model telefon Nokia yang lain. Jika anda menyimpan semula fail sandaran ke model telefon yang kandungannya pada asalnya dibuat sandaran, data yang sedia ada dalam telefon anda digantikan dengan data dari fail sandaran.



**Nota:** Jangan gunakan atau memutuskan sambungan telefon anda semasa Nokia Content Copier sedang membuat sandaran atau menyimpan semula kandungan telefon.




**Nota:** Perlindungan hak cipta mungkin menghalang sesetengah imej, nada deringan dan kandungan lain daripada disalin, diubahsuai, dipindahkan, atau dihantar lanjut.




**Nota:** Sesetengah kandungan hanya boleh disimpan semula ke model telefon yang sama sandaran asal dibuat bergantung kepada jenis data telefon sasaran menyokong.

### Untuk membuat sandaran kandungan telefon anda

1. Sambung telefon anda ke PC. Perhatikan bahawa kabel USB adalah jenis sambungan yang terpanjang untuk memindahkan fail besar antara telefon anda dan PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Sandaran**  untuk membuka Content Copier.
3. Klik **Sandaran**.
4. Dari senarai jenis kandungan yang tersedia, pilih apa yang anda hendak buat sandaran, dan klik **Seterusnya**.
5. Tentukan nama dan lokasi penyimpanan untuk fail sandaran, dan klik **Seterusnya**. Selepas kandungan telefon telah dibuat sandaran, klik **Lihat laporan** jika anda mahu melihat maklumat terperinci mengenai operasi sandaran.

### Untuk menyimpan semula atau mengimport fail sandaran

1. Sambung telefon anda ke PC. Perhatikan bahawa kabel USB adalah jenis sambungan yang terpanjang untuk memindahkan fail besar antara telefon anda dan PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Sandaran**  untuk membuka Content Copier.
3. Klik **Simpan semula**.
4. Pilih fail sandaran untuk menyimpan semula atau mengimport, dan klik **Seterusnya**.
5. Dari senarai jenis kandungan yang tersedia, pilih apa yang anda hendak simpan semula atau import, dan klik **Seterusnya**. Selepas kandungan telefon telah disimpan semula atau diimport, klik **Lihat laporan** jika anda hendak melihat maklumat terperinci mengenai operasi penyimpanan atau mengimport.


## 5.3 Menyegerakkan data antara telefon anda dan PC

Nokia PC Sync membolehkan anda menyegerakkan kenalan, calendar/item yang perlu dilakukan, nota, dan e-mel antara telefon bimbit Nokia dan PC Personal Information Manager (PIM) anda. Anda juga boleh menyegerakkan penanda buku dan suapan RSS antara telefon bimbit Nokia dan web penyemak imbas yang disokong, atau fail dan folder antara antara telefon bimbit Nokia dan PC. Penyegerakan bererti bahawa maklumat pada kedua-dua telefon anda dan PC adalah serupa. Sila ambil perhatian bahawa bukan semua model telefon menyokong, contohnya, penyegerakan e-mel atau penanda buku dan suapan RSS.

Anda boleh menyegerakkan telefon Nokia yang serasi dengan aplikasi PC PIM yang berikut:


- Microsoft Outlook 2000, 2002, 2003 and 2007
- Microsoft Outlook Express / Windows Address Book
- Kalendar dan Kenalan Microsoft Windows Vista
- Lotus Notes 5.x, 6.x dan 7.0
- Lotus Organizer 5.x dan 6.x

### Untuk membuat tugas penyegerakan

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Segerak** , untuk membuka Nokia PC Sync.
3. Apabila anda membuka Nokia PC Sync untuk kali pertama, wizard Buat tetapan dibuka secara automatik. Anda boleh melangkaui wizard dan memulakan penyegerakan dengan tetapan lalai, atau mengikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan proses wizard. Anda disyorkan supaya mengikuti wizard ini supaya tetapan peribadi anda untuk penyegerakan dapat dibuat dengan betul. Ikut arahan pada skrin untuk menetapkan, contohnya:
  - Aplikasi PIM yang anda hendak gunakan untuk menyegerakkan telefon.
  - Maklumat yang anda hendak segerakan.
  - Tetapan untuk item yang dipilih untuk penyegerakan.
4. Dalam halaman terakhir Wizard, klik **Lanjutan** jika anda hendak membuat tetapan untuk penyegerakan automatik dan penyelesaian konflik.



Untuk maklumat lanjut mengenai tetapan, lihat bantuan Nokia PC Suite.

### Bagi membuat tugas penyegerakan yang baru

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Segerak** , untuk membuka Nokia PC Sync.
3. Klik **Tetapan**.
4. Klik **Buat tetapan baru**.
5. Dalam halaman wizard Tetapan, pilih, contohnya, aplikasi PC PIM yang anda hendak gunakan semasa membuat penyegerakan, maklumat yang anda hendak segerakkan, dan julat penyegerakannya.
6. Dalam halaman terakhir Wizard klik **Lanjutan** jika anda hendak membuat tetapan untuk penyegerakan automatik dan penyelesaian konflik. Berdasarkan apa yang anda hendak segerakkan, tab dalam tettingkap Tetapan adalah sama ada aktif atau nyahaktif. Isikan tab yang aktif.
7. Klik **OK** untuk menyelesaikan membuat tugas penyegerakan baru.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tetapan, lihat bantuan Nokia PC Suite.

Ikon Nokia PC Sync dipaparkan pada bar tugas apabila Nokia PC Sync aktif:

-  menandakan bahawa telefon disambung. Anda boleh mengklik ikon untuk membuka PC Sync, atau klik kanan ikon untuk mengakses arahan menu Nokia PC,
-  menandakan bahawa telefon tidak disambung.



**Nota:** Sebagai tetapan lalai Nokia PC Sync tidak ditetapkan untuk bermula secara automatik apabila anda menghidupkan PC anda. Untuk membuat PC Sync bermula secara automatik apabila anda menghidupkan PC anda:

1. Klik **Segerak** pada tettingkap utama Nokia PC Suite.
2. Klik kanan pada ikon Nokia PC Sync pada bar tugas Windows.
3. Pilih **Dayakan apabila Dimulakan**.

## 5.4 Menyambung kepada Internet dengan menggunakan telefon anda

Dengan aplikasi One Touch Access Nokia PC Suite anda boleh menggunakan telefon anda sebagai modem untuk mewujudkan sambungan rangkaian ke Internet. Sambungan boleh diwujudkan melalui kabel, inframerah, atau teknologi wayarles Bluetooth.

Untuk menggunakan telefon anda sebagai modem, anda mesti mempunyai yang berikut:

- Telefon dan langganan yang menyokong data paket.
- Perisian yang sesuai untuk komunikasi data dipasang pada PC anda.
- Langganan ke khidmat rangkaian yang sesuai dari penyedia khidmat rumah anda atau penyedia khidmat Internet.
- Pemacu modem yang sesuai dipasang pada PC anda. Nokia PC Suite memasangnya secara automatik.




**Nota:** One Touch Access mengesan telefon yang disambungkan dan secara automatik menggunakannya sebagai modem. Walau bagaimanapun, jika telefon anda disambungkan kepada PC melalui Bluetooth, One Touch Access mengenali telefon itu secara automatik hanya jika tiada modem yang tersambung boleh didapati dan anda telah menggunakan modem Bluetooth semasa menggunakan One Touch Access sebelum ini.



**Nota:** Jika telefon anda tidak menyokong data paket, anda boleh mengakses Internet dengan membuat sambungan dail naik. Lihat arah untuk menggunakan telefon anda sebagai modem dalam bantuan Nokia PC Suite.

### Untuk menyambung ke Internet

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Jika anda menggunakan kabel siri CA-42 atau inframerah untuk sambungan antara Nokia PC Suite dan telefon anda, jenis sambungannya perlu dinyahpilih agar anda boleh menggunakan jenis sambungan untuk modem. One Touch Access menyahpilih secara automatik apabila membuat sambungan, dan memilihnya semula apabila modem diputuskan sambungan.
3. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Sambung ke Internet**  untuk membuka One Touch Access. Ia akan disambungkan secara automatik ke Internet selepas 10 saat.  
ATAU  
Buka One Touch Access dan klik **Tetapan** untuk memilih modem yang anda hendak gunakan dan operator rangkaian dari senarai operator, dan kemudian klik **Sambung** untuk mewujudkan sambungan Internet.

4. Apabila anda tidak lagi memerlukan sambungan, klik **Putuskan sambungan** untuk memutuskan sambungan Internet.

## 5.5 Memasang aplikasi ke telefon anda dari PC


Dengan Nokia Application Installer anda boleh memasang aplikasi Symbian and Java™ seperti kalendar atau permainan dari PC ke telefon anda. Jenis fail yang boleh anda pasang dengan Nokia Application Installer adalah .SIS, .SISX, .JAR dan .N-GAGE. Anda boleh memuat turun aplikasi ke PC anda, contohnya, dari laman web Nokia atau laman pembekal khidmat yang lain. Anda boleh juga memasang aplikasi yang telah anda buat.

### Untuk memasang aplikasi ke telefon anda

1. Muat turun fail .SIS, .SISX, .JAR, atau .N-GAGE untuk aplikasi yang anda hendak pasang.
2. Sambung telefon anda ke PC.
3. Dalam Windows Explorer, klik dua kali pada fail .SIS, .SISX, .JAR atau .N-GAGE yang anda hendak pasang ke telefon anda. Application Installer memasang aplikasi ke telefon anda.

Ambil perhatian bahawa jika anda mempunyai telefon dengan sistem pengendalian Symbian, anda perlu menyiapkan pemasangan pada telefon.

Jika anda mahu, contohnya, memilih sama ada anda hendak memasang aplikasi pada memori telefon, memori massa atau kad memori, gunakan Nokia Application Installer untuk memasang aplikasinya.

Untuk membuka Nokia Application Installer, klik **Pasang aplikasi-aplikasi**  dalam tettingkap utama Nokia PC Suite. Untuk arahan penggunaan, lihat bantuan Nokia Application Installer.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis aplikasi yang boleh dipasang dalam telefon anda, rujuk kepada panduan pengguna telefon.




**Nota:** Nokia tidak menjamin aplikasi dari tapak bukan Nokia. Jika anda memilih untuk memuat turun aplikasi daripada mereka, anda mesti ambil perhatian yang sama, untuk keselamatan atau kandungan, seperti yang anda akan buat terhadap mana-mana tapak.

## 5.6 Menguruskan kandungan telefon pada PC


Apabila anda menyambung telefon anda kepada PC dengan Nokia PC Suite, PC Suite membuat folder untuk dilihat dalam Windows Explorer, di bawah Nokia Phone Browser. Nokia Phone Browser memaparkan folder dan subfolder telefon untuk setiap telefon yang disambungkan kepada PC. Selain memori telefon, kad memori dan memori massa ditunjukkan sebagai subfolder telefon jika ia tersedia dalam telefon. Perhatikan bahawa bukan semua model telefon menyokong kad memori atau memori massa.

Dengan Nokia Phone Browser anda boleh melihat fail dan folder serta memindahkannya antara telefon dan PC anda dalam Windows Explorer dengan cara yang sama seperti yang dilakukan pada fail atau folder di PC anda.



**Rajah2. Nokia Phone Browser dalam Windows Explorer (gambar dalam Bahasa Inggeris)**

### Untuk menyalin fail/folder antara telefon dan PC

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Pengurus fail**  untuk membuka Nokia Phone Browser, ATAU dalam Windows Explorer, pergi ke **Komputer Saya > Nokia Phone Browser > Nokia xxxx** di mana xxxx adalah nombor model telefon. Jika anda telah memberi nama yang biasa pada telefon anda seperti "Telefon saya", folder tersebut akan mempunyai nama itu.
3. Seret dan lepaskan fail atau folder antara telefon dan PC anda, atau gunakan ciri salin-tampal.



**Petua:** Untuk memuat semula kandungan telefon, klik **Lihat > Muat Semula** atau klik **F5**.




**Nota:** Menyalin fail dari PC ke telefon mungkin masa sedikit, bergantung kepada saiz fail dan jenis sambungan yang anda gunakan. Jangan diputuskan sambungan telefon sebelum fail telah disalin. Kabel USB (DKU-2, DKE-2, CA-53, CA-70 atau CA-101) adalah jenis sambungan yang terpanjang untuk memindahkan fail besar seperti fail muzik antara telefon anda dan PC.

### 5.7 Menambah kenalan pada telefon anda dari PC

Dengan Nokia Contacts Editor anda boleh membuka dan mengedit, simpan dan cetak kenalan yang telah anda simpan dalam telefon anda. Anda juga boleh melihat kenalan dalam telefon anda dalam paparan Kenalan Nokia Phone Browser.


### Untuk membuat kenalan baru ke telefon anda

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap Utama Nokia PC Suite, klik **Kenalan**  . Nokia Phone Browser membuka dengan folder kenalan anda kelihatan.
3. Dalam Nokia Phone Browser, pilih folder **Kenalan** dan klik **Kenalan > Kenalan Baru**.
4. Tambah butiran pada kenalan.
5. Klik **Simpan**.

### 5.8 Menghantar mesej teks dari PC

Dengan Nokia Text Message Editor anda boleh menerima dan menghantar mesej teks dari PC anda, membuat folder untuk menyimpan mesej teks, dan mengesport mesej teks anda dari telefon ke PC anda.


#### Untuk menghantar mesej teks

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap Utama Nokia PC Suite, klik **Mesej**  . Nokia Phone Browser terbuka dengan folder Mesej telefon anda kelihatan.
3. Dalam Nokia Phone Browser klik **Mesej > Mesej Teks Baru**.
4. Tulis nombor telefon di dalam medan **Kepada...**, atau klik **Kepada...** untuk memilih penerima mesej tersebut. Penerima ditunjukkan dari folder Kenalan Phone Browser.
5. Tulis mesej dan klik **Fail > Hantar**.

### 5.9 Melihat fail multimedia pada PC


Dengan Nokia Multimedia Player anda boleh memainkan fail multimedia yang disimpan pada PC, atau terus dari telefon apabila ia disambungkan ke PC.. Anda boleh membuat senarai main, contohnya, foto atau klip video yang anda telah ambil dengan kamera anda, dan melihatnya semua satu demi satu. Anda boleh juga menyimpan fail video dan audio dalam format yang membolehkan anda menggunakannya dalam telefon bimbit atau melampirkannya ke mesej MMS.

## Untuk menggunakan senarai main untuk melihat fail kegemaran anda

1. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Lihat multimedia**  untuk membuka Nokia Multimedia Player.
2. Klik **Lihat > Senarai main** untuk membuka pameran senarai main. Pameran membuka dengan senarai main kosong.
3. Klik **Tambah fail ke senarai main** untuk menambah fail pada senarai main, atau menyeret fail ke senarai main dari Windows Explorer.
4. Klik **Simpan senarai main ke fail** atau klik **Fail > Simpan Senarai main**. Namakan senarai main dan klik **Simpan**. Fail berkenaan disimpan dengan perluasan .npl.
5. Klik **Lihat > Pilihan** untuk menetapkan pilihan melihat. Anda boleh, contohnya, menetapkan ulang main untuk bermula secara automatik, dan menetapkan masa lengah antara menunjukkan fail dalam tayangan slaid.
6. Klik **Fail > Buka** dan pilih senarai main untuk dilihat. Jika anda tidak boleh melihat fail .npl atau .m3u file dalam dialog Buka, untuk **Fail jenis**, pilih Senarai main atau Semua format yang disokong.

## 5.10 Menyimpan imej dari telefon anda ke PC

Dengan Image Store anda boleh menyimpan pada PC anda, foto dan klip video yang telah anda ambil dengan kamera telefon anda.

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Simpan imej**  untuk membuka Image Store.
3. Jika anda belum menggunakan Image Store sebelumnya, wizard Tetap terbuka secara automatik apabila telefon anda disambungkan ke PC dan anda membuka Image Store. Sebelum anda boleh menyimpan imej, anda perlu menentukan jenis fail untuk disimpan (imej atau video), folder sasaran untuk menyimpan, dan apa yang dilakukan oleh Image Store apabila fail tersebut telah disimpan.
4. Klik **Simpan Sekarang**. Fail telah disimpan dalam folder yang anda telah tetapkan.

Jika anda hendak menukar tetapannya, klik **Tetapan-tetapan** dalam tettingkap utama Image Store. Anda boleh menentukan, contohnya, jika anda hendak imej dan video baru disimpan ke PC anda secara automatik setiap kali anda menyambungkan telefon anda pada PC, dan aplikasi mana yang anda gunakan untuk melihat imej dan klip video. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tetapan, lihat bantuan Nokia PC Suite.

## 5.11 Memindahkan muzik dari CD ke telefon anda

Dengan Nokia Music Manager, anda boleh menyalin CD audio dengan maklumat trek dan album, membuat dan mengatur fail muzik digital dan senarai main pada telefon dan PC, memindahkan fail muzik dan senarai main antara telefon dan dari CD atau PC.

Dengan Nokia Music Manager anda boleh memainkan, contohnya, trek muzik AAC, MP3 dan M4A.



**Nota:** Dengan sambungan kabel USB (DKU-2, DKE-2, CA-53, CA-70 atau CA-101), anda boleh memindahkan fail besar seperti fail muzik antara telefon anda dan PC dengan lebih cepat daripada jenis sambungan yang lain.




**Nota:** Bar tajuk Nokia Music Manager akan memberitahu anda jika telefon anda tidak disokong.



**Nota:** Perlindungan hak cipta boleh mengelakkan sesetengah muzik daripada disalin dan dipindahkan.

### Untuk memindahkan muzik dari CD ke telefon anda

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Masukkan CD muzik di dalam pemacu CD atau pemacu DVD PC anda.
3. Dalam tettingkap utama Nokia PC Suite, klik **Pindah muzik**  untuk membuka Nokia Music Manager.
4. Buka pameran CD untuk melihat trek pada CD.
5. Jika anda ingin menamakan semula fail, serlahkan trek yang diinginkan, klik kanan pada mana-mana trek, dan pilih **Edit** dari menu pop-timbul.
6. Pilih trek yang anda hendak pindahkan ke telefon anda.
7. Klik **Fail > Salin ke telefon**. Fail yang ditukar menjadi format fail .aac atau .m4a dan dipindahkan ke telefon anda.



**Petua:** Trek disimpan secara lalai ke kad memori jika ada kad yang telah dimasukkan di dalam telefon anda. Anda boleh menukar folder sasaran telefon dalam Pilihan-pilihan > Tetapan, tab telefon.

Anda boleh mencari trek muzik dari PC anda untuk dipindahkan ke telefon anda. Untuk melakukan ini, klik **Imbas PC untuk Fail Muzik**, dan kemudian salin trek yang dipilih ke telefon anda.

Jika telefon anda menyokong permainan trek dalam format M4A, anda boleh menggunakan pengekodan eAAC+ untuk menyalin muzik dari CD. Untuk melakukan ini, klik **Pilihan-pilihan > Tetapan**, dan dalam tab Penukaran pilih **M4A** untuk **format Penukaran**. Dengan penukaran ini, nisbah mampatan adalah lebih tinggi daripada pengekodan AAC dan anda boleh menyimpan lebih banyak muzik ke memori telefon atau kad memori anda. Rujuk kepada panduan pengguna telefon anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai format yang disokong.

## 6. ISTILAH DAN KEPENDEKAN

| Istilah                      | Penerangan  |
|------------------------------|---|
| Data paket                   | Teknik penghantaran data (contohnya GPRS, 3G) yang memindah dan menerima data secara paket dan bukan dengan menggunakan saluran berterusan. Pengguna hanya membayar jumlah data yang dihantar dan diterima.   |
| menyalin (ripping)           | Proses menyalin data dari satu bentuk media ke cakera keras. Contohnya muzik dari CD audio ke PC.   |
| Pemacu                       | Program komputer yang membolehkan program lain untuk berkomunikasi dengan peranti perkakasan.   |
| PIM                          | Personal Information Manager seperti Microsoft Outlook atau LotusNotes. Dengan aplikasi PIM anda boleh menguruskan maklumat peribadi dan niaga seperti buku telefon, kalendar, dan maklumat nota.   |
| Port COM                     | Suatu port input/output yang data dipindah dan diterima melaluinya secara siri. Port siri adalah suatu soket pada sebuah PC. Ia adalah diguna untuk menyambung alatan siri (biasanya pencetak-pencetak, modem-modem, atau tetikus-tetikus) ke komputer dan berkomunikasi dengan alatan ini. Port bersiri adalah nama yang diberikan seperti COM1 dan COM2.  |
| SP                           | Service Pack. Tampilan perisian yang digunakan pada aplikasi yang dipasang.   |
| Suapan RSS                   | Suapan RSS menawarkan anda cara untuk mengikuti laman web yang sering dikemas kini (contohnya, blog atau tapak berita). Selepas anda melanggan suapan pada Internet, anda akan diberitahu mengenai kemas kinian kandungan di tapak. Oleh itu, anda tidak perlu menyemak imbas ke tapak yang khusus untuk menyemak jika terdapat perubahan atau rencana baru.  |
| Symbian                      | Sistem pengendalian smartphone yang disediakan oleh syarikat pelesenan perisian yang dimiliki oleh syarikat industri wayarles utama.  |
| tampung (patch)              | Tampung (patch) merupakan bahagian perisian yang disediakan untuk meningkatkan kebolegunaan atau prestasi program, atau untuk membetulkan masalah dengan menggunakan program komputer.  |
| Teknologi wayarles Bluetooth | Teknologi yang menyediakan perhubungan radio jarak pendek untuk membolehkan komputer bimbit, telefon bimbit, kamera digital, dan peranti mudah alih lain untuk berkomunikasi dengan satu sama lain tanpa kabel. Peranti bimbit Nokia dengan sokongan teknologi wayarles Bluetooth membolehkan pengguna untuk menyambung secara wayarles ke peranti Bluetooth serasi dalam lingkungan jarak yang pendek. |
| Tindanan Bluetooth           | Set perisian yang diperlukan untuk menjalankan Bluetooth pada PC.   |

## 7. NOTA KESELAMATAN

---



### **Nota-nota keselamatan penting**

Semua arahan keselamatan di dalam panduan pengguna telefon dan komputer anda juga diguna pakai apabila produk ini digunakan bersama telefon.

Jangan lupa membuat salinan sokongan bagi semua data penting untuk melindungi terhadap sebarang kemungkinan kehilangan atau perubahan.

Hanya pasang dan gunakan aplikasi dan perisian-perisian lain dari sumber yang menawarkan perlindungan yang mencukupi terhadap perisian yang berbahaya.

## INDEKS

|                                    |                   |                                       |        |
|------------------------------------|-------------------|---------------------------------------|--------|
| aplikasi                           |                   |                                       |        |
| memasang ke telefon                | 19                | menyalin (ripping)                    | 24     |
| Nokia PC Suite                     | 13                | muzik dari CD                         | 22     |
| bahasa, menukar                    | 8                 | menyalin fail antara telefon dan PC   | 20     |
| foto                               | <i>Lihat Imej</i> | menyegerakkan data                    | 16     |
| Image Store                        | 22                | menyimpan imej                        | 22     |
| imej                               |                   | Mesej MMS                             | 1      |
| melihat                            | 21                | mesej teks, menghantar                | 21     |
| memindah ke PC                     | 22                | Mesej-mesej MMS                       | 21     |
| menyimpan                          | 22                | multimedia, melihat                   | 21     |
| inframerah                         | 10                | muzik, memindahkan ke telefon         | 22     |
| menyambung telefon ke PC           | 11                | Nokia Application Installer           | 19     |
| pemacu kesambungan                 | 9                 | Nokia Contacts Editor                 | 20     |
| Internet, menyambung ke            | 18                | Nokia Content Copier                  | 15     |
| istilah                            | 24                | Nokia Multimedia Player               | 21     |
| kabel                              |                   | Nokia Music Manager                   | 22     |
| menyambung telefon ke PC           | 11                | Nokia PC Suite                        |        |
| pemacu kesambungan                 | 9                 | aplikasi                              | 1      |
| Kabel CA-101                       | 9, 10             | Edisi Pemula                          | 2      |
| Kabel CA-42                        | 9, 10, 11         | tetingkap utama                       | 14     |
| Kabel CA-53                        | 9, 10             | Nokia PC Sync                         | 16     |
| Kabel CA-70                        | 9, 10             | Nokia Phone Browser                   | 19     |
| Kabel DKE-2                        | 9, 10             | Nokia Text Message Editor             | 21     |
| Kabel DKU-2                        | 9, 10             | One Touch Access                      | 18     |
| kandungan telefon                  |                   | Pengurus fail                         | 19     |
| membuat sandaran                   | 15                | Penyegerakan suapan RSS               | 16     |
| menyimpan semula atau mengimport   | 15                | peranti memasang Bluetooth            | 12, 18 |
| kenalan, membuat                   | 20                | Permulaan automatik Nokia PC Suite    | 13     |
| keperluan sistem                   | 2                 | PIM                                   | 16, 24 |
| klip video                         |                   | Port COM                              | 11, 24 |
| melihat                            | 21                | sambungan                             |        |
| menyimpan                          | 22                | ke Internet                           | 18     |
| melihat multimedia                 | 21                | memilih jenis sambungan               | 10     |
| memasang                           |                   | telefon ke PC                         | 10     |
| aplikasi ke telefon                | 19                | Suapan RSS                            | 16, 24 |
| Nokia PC Suite                     |                   | Symbian                               | 24     |
| dari CD-ROM                        | 6                 | Teknologi wayarles Bluetooth          | 10, 24 |
| dari Web                           | 7                 | memasang                              | 12, 18 |
| membuang pemasangan Nokia PC Suite | 8                 | menyambung telefon ke PC              | 11     |
| membuat                            |                   | pemacu kesambungan                    | 9      |
| kenalan                            | 20                | telefon                               |        |
| tugas penyegerakan                 | 16                | menggunakannya sebagai modem          | 18     |
| memindahkan muzik                  | 22                | menyambung ke PC                      | 10     |
|                                    |                   | Tindakan teknologi wayarles Bluetooth | 3, 24  |

## Notis Undang-Undang

Hak cipta © 1997-2007 Nokia. Semua hak terpelihara.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau kesemua kandungan dokumen ini dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

Nokia dan Nokia Connecting People adalah tanda niaga yang didaftarkan bagi Nokia Corporation.



Java is a trademark of Sun Microsystems, Inc.

This product is licensed under the MPEG-4 Visual Patent Portfolio License (i) for personal and noncommercial use in connection with information which has been encoded in compliance with the MPEG-4 Visual Standard by a consumer engaged in a personal and noncommercial activity and (ii) for use in connection with MPEG-4 video provided by a licensed video provider. No license is granted or shall be implied for any other use. Additional information, including that related to promotional, internal, and commercial uses, may be obtained from MPEG LA, LLC. See <<http://www.mpegla.com>>.

Produk ini dilesenkan di bawah Lesen Portfolio Paten Visual MPEG-4 (i) untuk kegunaan peribadi dan bukan komersial yang berkaitan dengan maklumat yang telah dikodkan dengan mematuhi Piawai Visual MPEG-4 oleh pengguna yang terlibat dalam kegiatan peribadi dan bukan komersial dan (ii) untuk kegunaan yang berkaitan dengan video MPEG-4 yang disediakan oleh pembekal video berlesen. Tiada lesen akan diberikan atau tersirat untuk sebarang kegunaan lain. Maklumat tambahan termasuk yang berkaitan dengan penggunaan promosi, dalaman dan komersial boleh diperolehi daripada MPEG LA, LLC. Sila lawati <<http://www.mpegla.com>>

Produk lain atau nama syarikat yang dinyatakan di sini adalah tanda niaga atau nama niaga pemilik-pemilikinya.

Maklumat dalam panduan ini telah ditulis untuk Nokia PC Suite 6.85 Nokia melaksanakan dasar pembangunan yang berterusan. Nokia mempunyai hak untuk membuat perubahan dan pembaikan kepada mana-mana produk yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa sebarang notis.

Dalam apa jua keadaan Nokia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan data atau pendapatan atau apa-apa kerosakan khusus, iringan, turutan atau secara tidak langsung yang berlaku.

Kandungan dokumen ini disediakan dalam keadaan "sedia ada". Kecuali seperti yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, tidak ada sebarang bentuk jaminan, sama ada tersurat atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan tersirat mengenai kebolehjualan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu, dibuat berkaitan ketepatan, reliabiliti atau kandungan dokumen ini. Nokia mempunyai hak untuk mengubah semula dokumen ini atau menarik balik penggunaannya pada bila-bila masa tanpa notis awal.

